

07/04/2002

Yang pasti, lanun ketawa terbahak-bahak...

SEJAK Siti Nurhaliza menangis gara-gara album terbarunya, Sanggar Mustika, turut dicetak rompak tidak sampai 10 hari berada di pasaran dan meminta agar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan dalam hal ini, dunia hiburan bagaikan kacau. Pening kepala teman mendengar kenyataan demi kenyataan mengenai isu yang sudah lapuk dan basi itu.

Pak Menteri dan orangnya minta turunkan saja harga kaset dan cakera padat (CD), habis cerita. Pengguna atau pembeli pula, rata-rata melontarkan suara yang sama. Turun harga! Turun harga! Yang hendak beli atau tidaknya adalah mereka. Yang koyak poket juga adalah mereka kalau harga album mahal.

Tan Sri Muhyiddin juga mahu artis berada di barisan depan dalam soal menghapus lanun keparat tu dan janganlah duduk belakang saja. Maka, melenting jugalah artis kita. Kenapa asyik salahkan artis saja? Ini soal periuk nasi mereka, takkan mereka tak mahu singsing tangan? Begitulah lebih kurang luahan hati mereka.

Orang syarikat rakaman pula kata, harga bukanlah persoalannya. Kalau harga turun, lanun lagi boleh turun harga. Harga plastik cuma RM1, sedangkan syarikat rakaman terpaksa tanggung macam-macam kos. Lagipun, kata mereka, apa jaminan orang ramai akan beli album original, kalau barang curi lebih murah. Lagipun, dakwa mereka, cadangan turun harga bak meminta mereka terjun bangunan tinggi.

Dalam pada itu, banyaklah pula persatuan yang memberi kenyataan, baik persatuan yang lama dan yang ditubuhkan khas untuk memerangi cetak rompak dan memulihara khazanah muzik Malaysia. Macamlah persatuan yang ada tak cukup lagi untuk berbuat itu semua! Papita yang khabarnya kurang mampu menarik perhatian anak seni, turut bersuara dan sanggup turun padang bersama-sama memerangi lanun. Semuanya memohon jasa PM kita yang memang dah termaktub banyak kerja.

Muhyiddin tentu berasa hati kerana tindakan mereka itu seperti satu mesej kepadanya bahawa beliau seolah-olah tidak bekerja sedangkan kita semua tahu bahawa Pak Menteri kita tu memang sanggup turun padang dan memerah otak memikirkan pelbagai cara dan strategi.

Sumber industri memberitahu, Muhyiddin memang bersifat terbuka dan sedia mendengar segala pandangan mereka yang terbabit dalam hal ini, baik orang syarikat rakaman atau persatuan hiburan. Tetapi kalau permintaannya untuk menurunkan harga album tidak langsung diambil kira, apa gunanya dia duduk semeja? Buang masa saja!

Bagaimanapun, yang memilih untuk berdiam diri adalah Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) kerana mereka tidak mahu banyak bercakap tetapi memilih pendekatan more action less talk. Naib Presidennya, Freddie Fernandez, memberitahu teman, "Selama hari ini pun terlalu ramai yang bercakap mengenai hal cetak rompak ini. Tapi sehingga kini tiada jalan penyelesaian. Biarlah kita tidak mengeluarkan sebarang kenyataan. Cakap banyak pun tak guna juga kalau ia sekadar untuk dilihat melakukan sesuatu untuk membanterasnya, tetapi akhirnya ia tinggal kata-kata saja."

Barangkali, benar jugalah kata Freddie tu. Daripada bercakap berdegar-degar tetapi habuk pun tak ada, lebih baik bekerja bagi memastikan masalah yang begitu kompleks sehingga akan melenyapkan industri muzik menjelang tahun 2003 itu sekurang-kurangnya membuahkan hasilnya.

Orang kata, biarlah sekurang-kurangnya terlihat cahaya pada hujung terowong daripada terus bergerak di dalam lorong yang gelap. Ehh... seram

tu! Tetapi yang sah ketawa terbahak-bahak ke bank adalah lanun kerana
setakat ini mereka memang nampak kebal.
hanizam@bharian.com.my

(END)